



**TEKS UCAPAN  
YAB DATUK SERI UTAMA HAJI SULAIMAN BIN MD ALI  
KETUA MENTERI MELAKA**

**SEMPENA**

**MAJLIS SELAWAT IHYA' RAMADAN 2021 &  
PELANCARAN SUB – SEKTOR PELANCONGAN AGAMA**

**TARIKH: 10 APRIL 2021 (SABTU), MASA: 9.00 MALAM  
PERKARANGAN MENARA TAMING SARI,  
BANDA HILIR, MELAKA**

---

بِسْمِ اللَّهِ الرَّحْمَنِ الرَّحِيمِ  
السَّلَامُ عَلَيْكُمْ وَرَحْمَةُ اللَّهِ وَبَرَكَاتُهُ

**Allahuma Solli Ála Sayyidina Muhammad Waála Ali  
Sayyidina Muhammad.**

Assalamualaikum Warahmatullahi Wabarakatuh, Salam  
Sejahtera, dan

**Salam Melakaku Maju Jaya, Rakyat Bahagia,  
Menggamit Dunia;**

Terima kasih Saudara Pengacara Majlis,

Yang Berhormat Datuk Seri Ab Rauf bin Yusoh,  
Speaker Dewan Undangan Negeri Melaka;

Yang Berhormat Datuk Wira Ghazale bin Muhamad,  
Timbalan Speaker Dewan Undangan Negeri Melaka;

Yang Berhormat Datuk Seri Dr. Hasim bin Hasan,  
Setiausaha Kerajaan Negeri Melaka;

Yang Berhormat Datuk Muhammad Jailani bin Khamis,  
EXCO Pelancongan, Warisan & Kebudayaan Negeri Melaka;

Yang Berhormat Barisan EXCO Kerajaan Negeri Melaka;

Yang Berhormat Datuk Zaidi bin Johari,  
Pegawai Kewangan Negeri Melaka;

Yang Berhormat Datuk Mohamad Abazafree bin Mohd  
Abbas,

Penasihat Undang – undang Negeri Melaka;

Yang Berbahagia Datuk Maslina binti Baki,

Timbalan Setiausaha Kerajaan (Pengurusan) Negeri Melaka;

Yang Berbahagia Datuk Salhah binti Salleh,  
Timbalan Setiausaha Kerajaan(Pembangunan) Negeri  
Melaka;

Yang Berusaha Encik Sa'ari bin Basiron,  
Pengurus Besar, Tourism Melaka;

Ketua-ketua Jabatan Negeri dan Persekutuan ;

Dif-dif Jemputan, Rakan-rakan Media;

Tuan-tuan dan Puan-puan Yang Saya Kasih sekalian;

## **MUKADIMAH**

1. Alhamdulillah, syukur ke hadrat Allah SWT kerana dengan limpah kurnia-Nya, pada malam ini kita dapat bersama-sama berkumpul di majlis yang mulia ini iaitu ***Majlis Selawat Ihya' Ramadhan 2021*** dan ***Pelancaran Sub-Sektor Pelancongan Agama (Religious Tourism)***. In shaa Allah, lebih kurang 3 hari

lagi, kita bakal menikmati kemuliaan beribadah di bulan Ramadan.

2. Di kesempatan ini, bagi pihak Kerajaan Negeri Melaka, saya ingin mengucapkan sekalung tahniah dan syabas kepada Bahagian Promosi Pelancongan (BPP) di atas penganjuran program ini. Terima kasih juga saya ucapkan kepada pihak Menara Taming Sari, Majlis Bandaraya Melaka Bersejarah (MBMB) dan agensi serta pihak lain yang turut bekerjasama dalam menjayakan program pada malam ini.

Hadirin Hadirat yang saya hormati;

3. Setiap selawat yang dibaca oleh umat Nabi Muhammad SAW akan dibentang di hadapan Baginda SAW pada setiap hari Jumaat. Oleh yang demikian, marilah kita memperbanyakkan selawat ke atas junjungan besar kita, Nabi Muhammad SAW bersesuaian dengan firman Allah SWT di dalam **Surah Al-Ahzab, Ayat 56** yang bermaksud ;



**Sesungguhnya Allah dan para malaikat-Nya berselawat (*memberi segala penghormatan dan kebaikan*) ke atas Nabi (Muhammad); Wahai orang-orang yang beriman berselawatlah kamu kepadanya serta ucapkanlah salam sejahtera dengan penghormatan yang sepenuhnya.**

4. Ketinggian peribadi dan akhlak Rasulullah SAW terus dikagumi umat Islam walaupun Baginda telah lama wafat. Bahkan Allah SWT menyuruh kita **meneladani akhlak Baginda** kerana kesempurnaan akhlak yang

dimiliki baginda itu dapat mendorong kita menjadi insan yang berjaya di dunia dan akhirat.

5. Justeru, marilah kita menjadi umat kesayangan Baginda dengan mencontohi keperibadian Baginda yang begitu indah dan mengenang kembali segala pengorbanan yang telah dilakukan oleh Baginda. Tanpa pengorbanan dan cinta Baginda SAW kepada kita, tidak mungkin kita dapat mengecapi nikmat terbesar yang Allah SWT sediakan iaitu Iman dan Islam.

Hadirin dan Hadirat yang saya hormati;

## **PAKEJ PELANCONGAN DI MELAKA**

6. Untuk makluman semua, sehingga **31 Mac 2021**, kerajaan negeri telah menganjurkan sebanyak **31 program promosi dan acara pelancongan** di Negeri Melaka. Penganjuran acara-acara pelancongan ini secara tidak langsung dapat membantu dalam mempromosikan negeri bersejarah ini ke persada dunia sekali gus merealisasikan sasaran **6.2 juta pelancong** pada tahun ini.

7. Selain itu, Kerajaan Negeri melalui Bahagian Promosi Pelancongan (BPP) juga sedang giat mempromosikan **Pakej Melakan Visit Melaka 3.0 & Pakej 2 Days 1 Night Stay@Melaka**. Pakej ini akan berlangsung sehingga 31 Disember 2021 bagi menggalakkan rakyat Melaka dan seluruh rakyat Malaysia untuk melancong di Negeri Melaka dan mengunjungi tempat-tempat pelancongan dengan tawaran diskaun sehingga 60%. Ia juga secara tidak langsung dapat membantu sektor pelancongan di Melaka di samping meningkatkan kehadiran pelancong ke Negeri Melaka.

Hadirin dan hadirat sekalian,

## **MAJLIS SELAWAT IHYA' RAMADAN**

8. Majlis Selawat Ihya' Ramadan ini juga diadakan bagi menyambut dan memeriahkan pembukaan semula Menara Taming Sari kepada umum dan menarik kehadiran pelancong sekali gus merancakkan sektor pelancongan di Negeri Melaka terutamanya dalam tempoh pasca COVID-19 ini.

9. Hari ini, kita amat berbangga kerana Bahagian Promosi Pelancongan (BPP) dalam masa yang sama turut memperkenalkan Sub-Sektor Pelancongan terbaharu Negeri Melaka iaitu **Sub-Sektor Pelancongan Agama**. Sub-Sektor ini diwujudkan bagi mempromosikan keunikan pelbagai kaum, perayaan dan tempat ibadah bagi semua kaum dan agama yang terdapat di Negeri Melaka. Kita berharap agar Sub-Sektor ini mampu menarik lebih ramai pelancong ke Negeri Melaka.
  
10. Di kesempatan ini, saya juga ingin mengucapkan **Selamat Menyambut Bulan Ramadan al-Mubarak**

kepada semua umat Islam. Sama-samalah kita tingkatkan ilmu, amal dan taqwa di bulan Ramadan al-Mubarak yang mulia ini.

Hadirin dan hadirat yang dihormati sekalian,

## **PENUTUP**

11. Akhir kata, saya ingin merakamkan ucapan terima kasih kepada semua agensi dan pihak yang terlibat dalam menjayakan ***Majlis Selawat Ihya' Ramadhan 2021*** ini. Semoga melalui program seperti ini, kita

mampu membentuk jati diri dan memupuk rasa cinta terhadap junjungan besar kita iaitu Nabi Muhammad SAW. Saya doakan majlis kita pada malam ini dirahmati-Nya dan perpisahan kita selepas ini dilindungi-Nya.

12. Dengan lafaz بِسْمِ اللّٰهِ الرَّحْمٰنِ الرَّحِیْمِ sukacita dan bangganya saya dengan ini **melancarkan Sub-Sektor Pelancongan Agama (*Religious Tourism*) Negeri Melaka.**

Sekian. Terima kasih.



Wabillahitaufik Walhidayah, Wassalam Mualaikum  
Warahmatullahi Wabarakatuh.

-TAMAT-